

'Kerajaan Pusat lebih berkuasa dari negeri'

Kedudukan Melayu

27 APR 1977

P. Pinang:

Mahathir jelaskan

KUALA LUMPUR, Selasa. — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan hari ini, tidak wajar—beliau membiarkan sebarang tindakan dari mana-mana Kerajaan Negeri menakutkan beliau kerana Kerajaan Pusat lebih besar dan lebih berkuasa dari Kerajaan Negeri.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Haji Ahmad Arshad yang ingin tahu sama ada Kerajaan Negeri boleh sanggup memberi jaminan untuk melaksanakan semua perakuan laporan Jawatankuasa Petugas yang mengkaji kedudukan ekonomi Bumiputera Pulau Pinang.

Dr. Mahathir berkata, beberapa perkara dan tempat, yang menyentuh negeri-negeri adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Sejauh yang berkenaan dengan perkara-perkara tersebut, katanya, Kerajaan Negeri tidak boleh menghalangi keputusan dan tindakan Kerajaan Persekutuan.

Beliau menambah: "Kerajaan Persekutuan adalah lebih besar dan lebih berkuasa dari Kerajaan Negeri. Jadi tidak wajarlah saya takut kepada tindakan daripada Kerajaan Negeri".

Hakikat

Beliau yakin segala tindakan oleh Kerajaan Negeri bertujuan menghalang usaha-usaha Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan syor-syor jawatankuasa tersebut dapat diatasi.

Menjawab satu lagi soalan tambahan dari senator yang sama, Dr. Mahathir berkata:

"Saya tidak dapat mengakui bahawa ekonomi Bumiputera di Pulau Pinang sengaja ditinggalkan. Tetapi hakikatnya ialah jika dibandingkan dengan Bumiputera negeri-negeri lain, tentulah kedudukan mereka di Pulau Pinang agak ke belakang."

Menjawab soalan asal Senator Syed Hassan Aidid, Dr. Mahathir berkata, laporan Jawatankuasa Petugas yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji kedudukan ekonomi masyarakat Bumiputera di Pulau Pinang, sudah disemak oleh satu jawatankuasa khas.

Jawatankuasa khas itu telah mengemukakan laporannya kepada Kerajaan dan beberapa cadangan seperti yang diperbaiki oleh jawatankuasa khas itu akan dilaksanakan serentak dalam projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Ketiga.

Peruntukan

Cadangan-cadangan lain yang lebih sukar untuk dilaksanakan kerana memerlukan kerjasama peniaga-peniaga sendiri dan perlu dikaji terlebih dahulu, akan dilaksanakan kemudiannya.

Katanya,, pelaksanaan cadangan-cadangan yang lain itu akan memakan masa kerana peruntukan wang perlu dibuat dahulu dan soal ini sedang diusahakan oleh perbendaharaan sekarang.

Menjawab soalan lain dari Senator Zawiyah Abdullah, Dr. Mahathir berkata, sejumlah 552 memorandum bersabit dengan perbincangan dan rasa tidak puas hati tentang laporan gaji Jawatankuasa Kabinet diterima dari kesatuan-kesatuan sekerja, orang perseorangan dan ketua-ketua jabatan.

Jawatankuasa itu telah mengkaji semula beberapa yang boleh perakuan-perakuan tersebut sebelum dilaksanakan.

Katanya, hasil kajiannya, beberapa perkara yang diperjuangkan telah diperbetulkan dan pelaksanaan perakuan-perakuan tersebut akan mengikut pembetulan-petulan itu.

Beliau mengumumkan satu badan khas akan dibentuk untuk menyemak teguran-teguran dan syor-syor yang kurang jelas itu untuk menyelesaikannya.